

03/04/2003

RM800,000 dikutip bantu Iraq

Nor Afzan Mohamad Yusof; Sharifah Salwa Syed Akil; Shaarani Ismail
KUALA LUMPUR: Lebih RM800,000 telah dikutip setakat ini di bawah Tabung
Keamanan Antarabangsa Malaysia (MIPF) bagi membantu mangsa perang di
Iraq
sejak dilancarkan 27 Mac lalu.

Pengerusi Penyelaras Aman Malaysia, Zulkifli Alwi berkata, sumbangan
itu
diberikan oleh pelbagai lapisan masyarakat dan kutipan dijangka terus
meningkat kerana semakin ramai rakyat Malaysia bersimpati dengan
penderitaan rakyat Iraq.

Sementara itu, Kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd
(NSTP) berjaya mengumpulkan RM43,410.50 sehingga semalam, bagi mengisi
MIPF.

Eksekutif Akaun NSTP, Hamila Mohd Noor, berkata kutipan berkenaan
membuktikan sikap prihatin masyarakat negara ini.

Sementara itu, Penolong Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Mior
Kamarul Shahid berkata, sempena Pertandingan GP Joran 2003/04 di
Mersing,
Johor, Sabtu dan Ahad ini, Unit Joran Berita Harian akan memberi peluang
kaki pancing untuk turut mengisi tabung berkenaan di dua lokasi
berlainan.

Beliau berkata, kaunter kutipan akan dibuka di Jeti Mersing pada Sabtu
ini jam 9 pagi hingga 12 tengah hari dan disambung pada jam 2 petang
hingga 10 malam, manakala pada Ahad mulai jam 7 pagi hingga 5 petang di
Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Insan YPJ, Sekakap Mersing.

Orang ramai yang berhasrat menyumbang kepada MIPF, boleh menyerahkan
derma menerusi cek berpaling atau wang pos kepada NSTP dengan
mencatatkan

Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia di belakangnya.

Selain NSTP, sumbangan juga boleh diserahkan sama ada hadir sendiri di
ibu pejabat atau pejabat cawangan New Straits Times, Berita Harian dan
Harian Metro, Utusan Melayu (M) Bhd, Sistem Televisyen Malaysia Sdn Bhd
(TV3) dan Star Publications (M) Bhd.

Dalam perkembangan berkaitan, Zulkifli berkata, Malaysia menghantar
tiga
sukarelawan ke Teheran bagi memantau dan mengumpul maklumat peperangan
di
Iraq.

Mereka berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
(KLIA)
semalam.

Delegasi terbabit dihantar di bawah anjuran Misi Keamanan Sejagat
(MKS),
Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan Perikatan Keamanan Rakyat
Malaysia (Aman Malaysia) akan meninjau keadaan bandar sempadan Iran-
Iraq,
Karamshah yang terletak kira-kira 100 kilometer dari Teheran.

Delegasi terbabit dianggotai Setiausaha Agung Abim, Shahrhan Kasim;
Pengarah Sukarelawan dan Infrastruktur MKS; Azlan Muhammad Sharif dan

aktivis kemanusiaan Abim; Khairil Annuar Khalid.

"Mereka akan berada di sana selama dua minggu hingga tiga bulan bagi meninjau dan memantau kemudahan dan infrastruktur di kem pelarian Karamshah dengan dibantu Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Iran, Pesuruhjaya Tinggi Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) dan Kedutaan Besar Malaysia di Iran," katanya pada sidang akhbar penghantaran delegasi

ke Iraq di Pejabat Abim di sini semalam.

Di BATU GAJAH, Perak, Zulkifli berkata, semua kerajaan negeri akan melancarkan kutipan derma untuk tabung berkenaan.

"Setakat ini, Kerajaan Perak sudah melancarkan kutipan itu dengan sumbangan awal RM10,000, minggu lalu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kutipan bagi tabung itu anjuran Umno bahagian Batu Gajah, sempena mesyuarat agung perwakilan bahagian itu di sini, semalam.

Pada majlis itu Ketua Umno bahagian Batu Gajah, Datuk Mohd Yusof Kassim

menyampaikan derma RM2,000 kepada tabung berkenaan.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) menerusi 39 badan gabungannya

di seluruh negara kelmarin turut melancarkan tabung untuk diisi dalam MIPF

bagi memudahkan rakyat negara ini menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada

pelarian dan mangsa perang di Iraq.

Timbalan Presidennya, Abdullah Abu Bakar berkata, wang kutipan dijangka

diserahkan wakil MBM dari seluruh negara kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 15 Mei, sempena sambutan Hari Belia Negara.